

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN NO. 463

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah guru-guru yang terlibat dalam menanda kertas soalan SPM, STPM dan STAM dan berapakah peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2016 hingga 2018 bagi perbelanjaan tuntutan menanda kertas peperiksaan dan perjalanan guru-guru terlibat. Bilakan tempoh bayaran dibuat sepenuhnya terhadap guru-guru terlibat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berikut merupakan jumlah guru yang terlibat sebagai pemeriksa Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP) serta jumlah perbelanjaan pada tahun 2016 hingga 2018 bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM):

Tahun	Peperiksaan	Jumlah Guru/ Pemeriksa Terlibat	Jumlah Perbelanjaan
2016	SPM	22,582	RM50 juta
	STAM	593	RM845 ribu
	STPM	3,930	RM5.9 juta
2017	SPM	22,844	RM48.3 juta

Tahun	Peperiksaan	Jumlah Guru/ Pemeriksa Terlibat	Jumlah Perbelanjaan
	STAM	515	RM840 ribu
	STPM	4,081	RM6.4 juta
2018	SPM	23,631	RM50 juta
	STAM	515	RM841 ribu
	STPM	4,151	RM6.6 juta

Berkenaan urusan pembayaran kepada guru-guru yang terlibat, bagi peperiksaan SPM dan STAM bayaran dibuat pada tahun berikutnya dalam tempoh Mac hingga Mei setelah pemeriksaan SJP selesai dilaksanakan. Manakala bagi peperiksaan STPM pula, bayaran dibuat dalam tempoh masa sebulan selepas tuntutan lengkap daripada pemeriksa STPM itu diterima oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

RT53/461